

LEMBAH Danum merupakan hutan yang kerap menjadi tumpuan penyelidik di seluruh dunia termasuklah pasangan diraja Britain, Putera William dan isteri, Kate Middleton.



KEADAAN bandar Lahad Datu yang kian membangun.



Lembah Danum dan Taman Hidupan Liar Tabin yang terletak di Lahad Datu, Sabah antara lokasi pelancongan yang masih belum diteroka dalam kalangan pelancong luar dan dalam negara.

Lahad Datu kaya tarikan pelancongan

KOSMO 12/2/14
MS 24

SEBELUM teretusnya insiden pencerobohan penganas Sulu di Kampung Tandou pada 12 Februari tahun lalu, tidak ramai yang tahu berhubung perkembangan sebuah daerah bernama Lahad Datu.

Malah daerah yang mempunyai keluasan kira-kira 6,500 kilometer persegi ini seringkali dilabel sebagai bandar transit yang menghubungkan daerah-daerah di Pantai Barat dan Pantai Timur.

Melihat aspek pembangunan dan pelancongan sedia ada, Lahad Datu juga masih ketinggalan jika dibandingkan dengan daerah jirannya seperti Semporna, Tawau dan Sandakan.

Bagaimanapun, sejak insiden pencerobohan di Kampung Tandou yang terletak kira-kira 130km dari pusat bandar, Lahad Datu mula dikenali.

Menyusuri sejarah daerah, nama Lahad Datu yang merupakan daerah keempat terbesar di Sabah ini diambil sempena fungsinya sebagai tempat persinggahan golongan Datu-Datu dari Kesultanan Sulu.

Lahad berasal dari perkataan suku Suluk bermaksud tempat, manakala Datu pula merupakan keturunan orang-orang kaya dari Kesultanan Sulu.

Lahad Datu mempunyai Pusat Luar Lembah Danum (Danum Valley Field Centre-DVFC) iaitu sebuah pusat yang menyediakan kemudahan saintifik yang terkenal di dunia.

Di samping itu, Taman Hidupan Liar



NORBAIZURA



YUSUF



DOMENIC



BADAK Sumatera salah satu spesies mamalia terbesar yang boleh ditemui di Lembah Danum.

Tabin yang cukup terkenal bagi melihat tiga mamalia terbesar di Sabah, gajah Asia, badak sumatera dan tembadau selain hampan keindahan pemandangan laut melalui menara kayangan Gunung Silam yang terletak 880 meter dari aras laut.

Bukan pekan kobo

Persoalannya, mampukah industri pelancongan Lahad Datu terus bertahan dengan pakej-pakej yang sedia ada? Peristiwa pencerobohan penganas Sulu seharusnya bukan sahaja harus dilihat sebagai *wake-up call* kepada negara sebaliknya ia perlu dimanfaatkan sebaiknya oleh pihak bertanggungjawab dalam mempromosikan daerah tersebut kepada masyarakat secara umumnya di dalam negara dan luar negara.

Bagi seorang pekerja hotel, **Norbaizura Akop**, 24 yang ditemui *Kosmo!* baru-baru ini menyatakan, dia tidak mahu tempat lahirnya itu terus digelar sebagai pekan kobo oleh segelintir masyarakat.

"Lahad Datu telah berkembang dengan pesatnya dan mempunyai beberapa lagi kawasan komersial yang telah



KEADAAN Lapangan Terbang Lahad Datu yang masih belum dinaik taraf.

diribina termasuk Kluster Perindustrian Kelapa Sawit (POIC).

"Sebagai generasi muda, pastinya kami mahukan Lahad Datu terus berkembang terutama dalam memanfaatkan tempat-tempat baharu seperti di Tanjung Labian yang mempunyai pantai bersih," katanya.

Lain pula pandangan Hussin Salleh, 39. Dia berpendapat dengan kehadiran pasukan keselamatan melalui penubuhan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) telah memastikan pengawalan dan penguatkuasaan pihak berkuasa lebih teratur dan berkesan bukan sahaja di Pantai Timur Sabah umumnya tetapi Lahad Datu khususnya.

"Kita tidak tahu mungkin dalam masa sedekad atau lebih, Lahad Datu boleh menjadi bandar pelancongan tentera seperti di Port Dikson, Negeri Sembilan.

"Bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada kerajaan melalui Esscom yang membantu memulihkan semangat orang ramai selepas kejadian tidak disangka itu," ujarnya ketika ditemui.

Sementara itu, seorang pelancong dari Jerman, **Domenic Schnoes**, 27, memberitahu, dia memperoleh pengalaman menarik sepanjang bercuti di Taman Hidupan Liar Tabin.

Malah, dia memuji masyarakat tempatan yang mesra dan suka membantu dengan mempunyai sistem pengangkutan yang baik berbanding negara Kemboja.

"Ini merupakan kunjungan saya yang

julang-julang kalinya ke Sabah. Semua orang di sini baik dan murah senyuman manis termasuk di barisan hadapan iaitu imigresen sewaktu tiba di negeri ini.

"Jika daerah ini mahu berkembang, ia sepatutnya mempunyai lapangan terbang yang lebih besar seperti di Tawau," katanya.

Berdasarkan pemerhatian, Lapangan Terbang sedia ada mempunyai lima penerbangan pergi balik setiap hari dari Kota Kinabalu ke Lahad Datu melalui penerbangan Anak syarikat Malaysia Airlines System Bhd., MAS-Wings Sdn. Bhd. (MASWings).

Festival memancing

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Lahad Datu, **Datuk Yusuf Apdal** berkata, beliau telah mengatur pelbagai perancangan sesuai dengan penubuhan jawatankuasa pelancongan peringkat daerah.

Yusuf turut memberitahu, ia bakal dimulakan dengan pembinaan One-Stop Centre Pelancongan di bangunan terbiar pejabat pos lama selain pembinaan lapangan terbang baru dengan skala lebih besar di Silabukan.

"Keputusan awal cadangan, Kementerian Pengangkutan telah bersetuju dengan pembinaan tersebut yang melibatkan kawasan lebih 200 hektar. Namun hanya menunggu dana kerana melibatkan peruntukan yang besar kira-kira RM300 juta," katanya.

Beliau juga telah mengenalpasti dalam menjadikan Felda Sahabat sebagai lokasi pelancongan terutama di Tanjung Labian. Ujarnya, ia termasuklah penganjuran festival memancing pada setiap bulan selain pembinaan resort sesuai dengan kawasan tersebut yang menjadi lokasi pertama di Malaysia yang menerima cahaya matahari seawal pukul 5.30 pagi.

Yusuf berkata, pihaknya juga telah mengenalpasti sebuah lagi lokasi pelancongan baharu iaitu Pulau Sakar yang mengambil masa kira-kira 45 minit dari bandar Lahad Datu.

"Ia adalah sebuah pulau yang mempunyai keindahan tersendiri. Sehingga kini, pulau ini belum dimanfaatkan dalam menjadikannya pulau tersebut sebagai tarikan pelancongan," jelasnya.

- MOHD. YUNUS YAKKUB